

UMP lakar banyak kejayaan dalam tempoh dua dekad

NIK AMIRULMUMIN NIK MIN | | 24 Februari 2022



Dr Yuserrie (barisan kedua, enam dari kanan) bersama warga UMP yang setia berbakti selama 20 tahun pada Majlis Sanjungan Budi yang diadakan sempena ulang tahun ke -20 di UMP Kampus Gambang di sini baru-baru ini.

KUANTAN - Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya menempuh segala cabaran sepanjang tempoh dua dekad untuk menjadi antara institusi pengajian tinggi terbaik di negara ini.

UMP yang menyambut ulang tahunnya ke- 20 tahun ini telah berjaya melahirkan ribuan graduan yang memenuhi ruang-ruang kerjaya profesional di dalam mahupun luar negara.

Profesor Datuk Ts Dr Yuserrie Zainuddin yang menjalankan fungsi Naib Canselor UMP berkata, dalam tempoh 20 tahun usianya, universiti itu juga berjaya menggapai cita-

cita kecemerlangannya termasuk dalam menghasilkan bahan-bahan penyelidikan peringkat tempatan dan antarabangsa.

Menurutnya, kecemerlangan universiti dan graduan telah meningkatkan citra UMP sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang terkemuka.

"Pengiktirafan yang diterima UMP dalam tempoh dua dekad ini membuktikan pada usia sebegini kita sudah mampu terkehadapan dan mendahului dari segenap aspek," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Dr Yuserrie berkata, kejayaan yang dicapai UMP ketika ini turut disumbangkan warga kerjanya yang cekal bersama-sama mengharungi pelbagai halangan dan rintangan selama tempoh itu.

"Mereka semua merupakan antara penggerak dan peneraju UMP sejak dahulu hingga kini dan kejayaan yang diraih hari ini adalah kejayaan semua pihak," katanya.

Pada sambutan ulang tahunnya yang ke-20, 16 Februari lalu, UMP mengadakan Majlis Sanjungan Budi bagi meraikan 63 kakitangannya yang telah berkhidmat selama dua dekad.

Artikel Penuh : <https://www.sinarharian.com.my/article/189461/EDISI/UMP-lakar-banyak-kejayaan-dalam-tempoh-dua-dekad>

© 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karangraf